



# **GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM YANG DIJANGKITI COVID-19**

**EDISI 2022**





# **GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM YANG DIJANGKITI COVID-19**

**Disediakan dengan kerjasama:**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Edisi 2022

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1. Tujuan	3
2. Latar belakang	4 - 6
3. Langkah/Prosedur	7 - 16
4. Rujukan	17

## TUJUAN

1. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam yang dijangkiti COVID-19; Edisi 2022 ini disediakan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat mengendalikan pengurusan jenazah orang Islam COVID-19 agar menepati kehendak syarak dengan mengambilkira pandangan pakar, ketetapan polisi dan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta selaras dengan ketetapan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021 yang telah bersidang pada 26 Julai 2021.
2. Garis Panduan ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendidikan kepada umat Islam mengenai kaedah dan tatacara pengurusan jenazah yang betul dari segi syarak. Ia menggariskan kaedah pengurusan yang betul ketika keadaan jenazah di luar kebiasaan khususnya dalam keadaan darurat yang bersangatan. Garis panduan ini sekaligus dapat mengelak kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan umat Islam berikutan pengurusan jenazah yang di luar daripada kebiasaan.

## LATAR BELAKANG

3. Selaras dengan Semakan Semula Pandangan Hukum dan Kaedah Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19 melalui Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021, Resolusi Muzakarah menetapkan bahawa:
  - i. *Hukum asal pengurusan jenazah muslim termasuk jenazah pesakit COVID-19 hendaklah diurus dengan sempurna melalui kaedah pengurusan jenazah dengan dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan dalam tempoh masa seminimum mungkin mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.*
  - ii. *Sekiranya terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa pengurusan jenazah berisiko dijangkiti dengan penggunaan air, maka hendaklah digantikan dengan tayamum pada anggota badan jenazah dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.*
  - iii. *Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan atau dibimbangi boleh membawa kepada penyebaran penyakit, maka Muzakarah bersetuju menggugurkan kewajipan memandikan/ tayamum ke atas jenazah dan memadai dengan dikafan, disembahyang dan dikebumikan.*

- iv. *Dalam melaksanakan keputusan ini, pihak hospital dan pihak berkuasa agama di setiap negeri yang terlibat perlu menyediakan tenaga kerja, segala kelengkapan dan keperluan yang mencukupi dalam pengurusan jenazah COVID-19.*
4. Bagi merealisasikan keputusan tersebut, Jabatan Kamajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan ini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam merangka dan menyediakan garis panduan ini supaya tatacara dan prosedur pengurusan jenazah orang Islam yang meninggal akibat jangkitan COVID-19 diuruskan dengan penuh penghormatan, kasih sayang dan kemuliaan.
5. Garis Panduan ini adalah kemaskini kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Covid-19 edisi 2020 berikutan semakan semula Tatacara Pengurusan Jenazah Islam dan Bukan Islam Yang Dijangkiti Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dikeluarkan pada 29 Jun 2022 agar ia relevan dengan situasi semasa.

6. Garis Panduan ini merupakan prinsip asas yang disediakan dengan merujuk kepada dokumen *COVID-19 Management Guidelines in Malaysia No.5/ 2020 (Annex 20 Guidelines for The Handling of Dead Bodies of Suspected/Probable/Confirmed COVID-19)* Kementerian Kesihatan Malaysia.
  
7. Garis Panduan ini tidak menafikan usaha dan kesahihan garis panduan lain yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri selagimana ia menepati kehendak syarak dan memenuhi ketetapan resolusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021. Apa yang penting, keselarasan juga perlu selari dengan ketetapan serta dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sedang berkuatkuasa.

## LANGKAH / PROSEDUR

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
<b>PRA PENGURUSAN JENAZAH</b>			
1.	Mengesahkan kematian kes COVID-19	<b>WAJIB</b>	<b>HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN</b>
2.	Memaklumkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Perubatan Forensik (JPF)/MORTUARI</li> <li>ii. Pejabat Kesihatan Daerah (PPKP)</li> <li>iii. Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN)</li> <li>iv. Waris</li> </ul>	<b>WAJIB</b>	<b>HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN</b>
3.	Membuat pengecaman jenazah: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hanya dua (2) orang waris sahaja dibenarkan untuk membuat pengecaman mayat.</li> </ul>	<b>WAJIB</b>	<b>HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN WARIS</b>



BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	ii. Waris perlu berdiri dengan jarak satu (1) meter dari mayat dan memakai <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) yang lengkap dan bersesuaian.		
4.	Mengeluarkan permit pengkebumian.	<b>WAJIB</b>	<b>HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN</b>
<b>PENGURUSAN JENAZAH</b>			
1.	Penilaian risiko pengurusan jenazah ditentukan oleh pihak KKM.	<b>WAJIB</b>	<b>HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN</b>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
2.	<p>Menyediakan peralatan keperluan pengurusan jenazah yang lengkap seperti berikut;</p> <p>A) <b>Personal Protective Equipment (PPE)</b> kepada pengendali jenazah yang terlatih;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>N95 Mask</i></li> <li>ii. Pelindung Mata</li> <li>iii. <i>Fluid Repellent Long Sleeved Gown</i></li> <li>iv. Apron plastik</li> <li>v. Sarung tangan getah</li> <li>vi. <i>Boot</i> getah</li> </ul>	WAJIB	HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN JAIN/MAIN

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	<p><b>B) Kelengkapan Memandikan Jenazah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Air mutlak</li> <li>ii. Baldi dan gayung</li> <li>iii. Getah Paip/Botol spray</li> <li>iv. Kapas</li> <li>v. Kapur Barus</li> <li>vi. Serbuk Cendana</li> </ul> <p><b>C) Kelengkapan Mengkafankan Jenazah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kain kafan; Tiga helai untuk jenazah lelaki dan lima helai untuk jenazah perempuan.</li> <li>ii. Satu keping <i>body bag</i> (beg mayat)</li> <li>iii. Kapas</li> <li>iv. Kapur Barus</li> <li>v. Serbuk Cendana</li> <li>vi. Air Mawar</li> </ul>	<b>WAJIB</b>	<b>HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN JAIN/MAIN</b>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
3.	<p><b>Mengurus jenazah:</b></p> <p><b>3.1. Memandikan jenazah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Urusan memandikan jenazah hendaklah dilakukan di hospital/pusat perubatan.</li> <li>ii. Jenazah dimandikan dan dikapankan oleh pengendali jenazah yang terlatih dengan status vaksinasi lengkap dan tidak bergejala serta pemakaian <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) yang lengkap dan bersesuaian sepanjang menguruskan jenazah.</li> <li>iii. Hanya dua (2) orang waris dengan status vaksinasi lengkap serta memakai <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) yang lengkap dan bersesuaian dibenarkan turut serta dalam urusan memandikan dan mengapankan jenazah bersama pengendali jenazah yang terlatih di hospital.</li> </ul>	<b>WAJIB</b>	<p style="text-align: center;"><b>HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN</b></p> <p style="text-align: center;"><b>JAIN/MAIN</b></p> <p style="text-align: center;"><b>4 orang Pengendali Jenazah</b></p> <p>Pengendali Jenazah adalah mengikut jantina jenazah</p>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="383 368 1234 507">iv. Sebelum jenazah dimandikan, digalakkan untuk menutup bahagian berongga dengan kapas.</li> <li data-bbox="383 544 1234 587">v. Membersihkan badan jenazah daripada najis.</li> <li data-bbox="383 624 1234 810">vi. Mandian boleh dimulakan daripada mana-mana bahagian badan jenazah dengan meratakan air mutlak di seluruh badan jenazah.</li> <li data-bbox="383 847 1234 986">vii. Penggunaan campuran air kapur barus, serbuk cendana dan air mawar dibolehkan semasa memandikan jenazah.</li> <li data-bbox="383 1023 1234 1209">viii. Penggunaan air semasa memandikan jenazah perlu dilakukan dengan kadar yang perlahan dan aliran air yang minima sekiranya menggunakan getah paip.</li> </ul>		

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	<p>ix. Penggunaan botol spray untuk memandikan jenazah adalah digalakkan untuk mengelakkan percikan air.</p> <p>x. Mengelakkan aktiviti berunsur <i>aerosol/generating procedure</i> (AGP) ke atas jenazah seperti menekan perut jenazah dan membersihkan najis dari dalam dubur.</p> <p>xi. Menghadkan aktiviti membalikkan badan jenazah.</p> <p><b>3.2. Mengkafankan Jenazah:</b></p> <p>i. Digalakkan meletakkan kapas pada bahagian berongga.</p> <p>ii. Proses kafan adalah mengikut jantina jenazah. Jenazah lelaki dikafankan dengan tiga (3) helai kain kafan dan jenazah perempuan dikafankan dengan lima (5) helai kain kafan.</p>	<p><b>WAJIB</b></p>	<p><b>JAIN/MAIN</b></p> <p><b>4 orang Pengendali Jenazah</b></p> <p>Pengendali Jenazah adalah mengikut jantina jenazah</p>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Jenazah yang telah siap dikafankan hendaklah dimasukkan ke dalam beg mayat/<i>body bag</i>.</li> <li>iv. Selepas jenazah dimasukkan dalam beg mayat/<i>body bag</i> proses semburan cecair nyah kuman (<i>disinfectant</i>) 0.5% <i>sodium hypochlorite</i> hendaklah dilakukan ke atas beg mayat/<i>body bag</i>.</li> </ul>		
4.	Mencium / memeluk jenazah	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>	<b>SEMUA</b>
5.	<p><b>Menunaikan Solat Jenazah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Solat jenazah ke atas jenazah Covid-19 adalah sama sepertimana solat jenazah orang Islam yang biasa.</li> <li>ii. Solat jenazah <b>HANYA</b> dilaksanakan di ruang yang telah ditetapkan oleh pihak hospital.</li> </ul>	<b>WAJIB</b>	<b>JAIN/MAIN</b>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	iii. Kebenaran waris untuk menunaikan solat jenazah tertakluk kepada kebenaran Pejabat Kesihatan Daerah.		
<b>PENGEBUMIAN JENAZAH</b>			
1.	<b>Mengebumikan jenazah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua petugas dan waris yang terlibat dalam proses pengebumian jenazah perlu memakai <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) yang bersesuaian.</li> <li>ii. Individu yang hadir untuk menyaksikan proses pengebumian jenazah adalah tidak bergejala serta digalakkan untuk memakai pelitup muka dan mengelakkan dari bersesak-sesak.</li> </ul>	<b>WAJIB</b>	<b>PKD/PPKP JAIN/MAIN WARIS</b>



<b>BIL.</b>	<b>LANGKAH / PROSEDUR</b>	<b>KEPERLUAN</b>	<b>TINDAKAN</b>
2.	Menyelia pengkebumian jenazah dan disinfeksi	<b>WAJIB</b>	<b>PKD/PPKP JAIN/MAIN</b>
3.	Membersihkan diri: Semua pengendali jenazah dan waris perlu membersihkan diri mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia. (KKM)	<b>WAJIB</b>	<b>PKD/PPKP JAIN/MAIN/WARIS</b>

**Nota ringkas:**

- |                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| I. JAIN: Jabatan Agama Islam Negeri | II. MAIN: Majlis Agama Islam Negeri              |
| III. PKD: Pejabat Kesihatan Daerah  | V. PPKP: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran |
| IV. JPF: Jabatan Perubatan Forensik | VI. KKM: Kementerian Kesihatan Malaysia          |

## RUJUKAN

1. Resolusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021 Yang Bersidang Pada 26 Julai 2021.
2. *COVID-19 Management Guidelines in Malaysia No.5/ 2020 (Annex 20 Guidelines for The Handling of Dead Bodies of Suspected/Probable/Confirmed COVID-19)*; Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Kenyataan Media KKM 29/06/2022: Semakan Semula Tatacara Pengurusan Jenazah Islam dan Bukan Islam Yang Dijangkiti Covid-19.